

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR
BIN HAJI NASARAH (LENGGONG)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sejauh manakah rangka strategik yang terkandung di dalam Kertas Putih Pertahanan berupaya untuk memastikan dasar pertahanan negara dapat menangani isu-isu dan cabaran kedaulatan negara.

JAWAPAN

Penyediaan Kertas Putih Pertahanan (KPP) adalah sebahagian daripada aspirasi kerajaan Malaysia supaya lebih telus dan meningkatkan akauntabiliti dalam mentadbir negara. KPP disediakan sebagai satu pelan tindakan bagi merangka dasar berkaitan pertahanan dan keselamatan negara di samping pelan pembangunan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk tempoh 10 tahun.

KPP ini dihasratkan untuk mengandungi 8 bab di mana kandungan utama kertas ini akan merangkumi analisis terhadap perspektif strategik serantau serta cabaran isu-isu keselamatan tradisi dan bukan tradisional. Analisis ini akan menjadi asas bagi kementerian untuk mengenalpasti strategi-strategi pertahanan yang bersesuaian dan seterusnya menentukan pembangunan keupayaan ketenteraan negara. KPP ini dihasratkan untuk bersifat proaktif dan mampan berteraskan lima (5) prinsip asas iaitu *interest-based*, *self-reliance*, *inclusivity*, *diplomacy* dan *dynamism* bagi mempertahankan kedaulatan negara, keutuhan wilayah dan kesejahteraan rakyat.